


LAMPIRAN

GAMBAR A

MASJID AMRU IBNI AL-AS, DI BAWAH BANGUNAN MASJID INILAH TERLETAKNYA PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM, BANDAR BARU SENTUL, KUALA LUMPUR.



GAMBAR B

SESI KAUNSELING BERSAMA PENDUDUK YANG BERMASALAH.



GAMBAR C

**TENAGA PENGGERAK PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM,
BANDAR BARU SENTUL, KUALA LUMPUR.**




Dari kanan:

Encik Suhaili bin Mustapa,
Puan Azizah bt. Hj. Wahab dan
Puan Wan Ngah @ Fauziah bt.
Wan Yahya.

Gambar bawah:

Penulis bersama pegawai-pegawai
Pusat Pembangunan Keluarga Islam,
Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur.



AMALAN BAIK SEMASA HAMIL

1. SOLAT HAJAT

Sembahyang sunat hajat ialah sembahyang sunat yang dikerjakan bermujan agar diperkenankan hajatnya oleh Allah.

Cara-cara mengerjakan solat hajat.

Sembahyang sunat hajat ini dilakukan sekurang-kurangnya 2 rakaat dan sebanyak-banyak 12 rakaat. Tiap-tiap 2 rakaat satu salam.

Lafaz niat solat sunat hajat:

أصلى سنة الحاجة رعتين لله تعالى الله أكبر

Sahaja aku sembahyang sunat hajat dua rakaat kerana Allah Taala. Allahahu akbar.

Pada rakaat pertama selepas bacaan Al-fatilah dibacakan Ayat Kursi atau Surah Al-kafrun.

Pada rakaat kedua, selepas bacaan Al-fatilah dibacakan Surah Al-Ikhlâs.

2. BANYAKKAN MEMBACA AL-QURAN

3. BERDOA DAN WIRID.

Wirid untuk mengelakkan dari keguguran

Keguguran yang amat ditakuti oleh para ibu dapat dielakkan dengan membanyakkan bacaan :

بسم الله الرحمن الرحيم

يا مبدئي

Ertninya: yang memulakan kejadian

Sekiranya wirid ini dibaca dan dihibusbahkan pada orang yang mengandung kerana takutkan kandungannya akan gugur, nescaya ia terhindar dari bahayanya itu.

Doa ketika mengandung supaya mendapat zuriat yang sempurna / tidak cacat

رب حب لي من لذنك ذرية طيبة إنك

سميع الدعاء

ertinya : Ya TuhanKu, kurniakanlah kepada ku dari sisi Mu zuriat/keturunan (anak) yang baik (sempurna tidak cacat) sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menentema) rnyuan doa hamba Mu.

Doa ketika melahirkan anak / bersalin

حسبنا الله ونعم الوكيل على الله توكلت

ertinya : Allah telah mencukupi segala sesuatu hambaKu dan sebaik-baik yang ku serahkan diri

4. ISTIGHFAR/BERTAUBAT

استغفر الله العظيم الذي لاله الا هو الحمي

القيوم واتوب اليه

سبحانك اللهم وبحمدك اشهد ان لاله الا

انت استغفرك واتوب

5. ZIKRULLAH

سبحان الله والحمد لله ولا اله الا الله والله

أكرم

Maha suci Allah dan segala puji bagi Allah tiada nihan Melainkan Allah dan Allah Maha Besar.

6. BERSELAWAT KEPADA NABI S.A.W

اللهم صل على سيدنا محمد

Ya Allah curahkanlah rahmat atas Nabi Muhammad dan kepada keluarga Nabi Muhammad

7. TENANGKAN FIKIRAN DAN PERASAN

Keguguran biasanya berlaku diperingkat awal kehamilan, khususnya 3 bulan pertama wanita-wanita yang hamil perlu menajualihkan tekanan perasan, ketenangan perasan amatlah perlu dan harus dibina.

12. JAUHI SIFAT KEJI

1. Dengki
2. Dendam
3. Kedekut
4. Tamak
5. Sombong

8. MENJAUHKAN AMALAN KHURAFAT

1. Mendatangi kepada tukang sihir/tukang uluk.
2. Berdoa di tempat-tempat yang dianggap keramat.
3. Mengambil atau meminum air dari tempat yang dianggap keramat.

9. ELAKKAN MENGAMBIL BARANG YANG DILARANG OLEH ALLAH

1. Mencuri
2. Merompak
3. Menyamun

10. ELAKKAN MENDENGAR PERKARA YANG DILARANG OLEH ALLAH

1. Mendengar orang mengumpat/fitnah dan sebagainya.
2. Mendengar lagu-lagu hiburan yang melalakan

11. ELAKKAN BERCAKAP PERKARA YANG DILARANG OLEH ALLAH

1. Mengumpat
2. Mengeji


13. BANYAKKAN SEDEKAH

Amalan bersedekah adalah satu amalan baik yang dituntut oleh agama Islam. Bersedekah itu tidak kira sama ada dalam bentuk wang ringgit, harta benda mahupun tenaga. Asalkan sedekah itu diberikan semata-mata kerana Allah bukan kerana riak.

Sabda Rasulullah saw yang bermaksud;

Pelakuan makrif melindangi budyanya keturukan. Sedekah secara suka memadamkan kemurkaan Allah dan menghidupkan silaturrahim menambahkan umur (Al Tabrani)

Inilah sebahagian dari amalan-amalan baik yang perlu dilakukan semasa hamil, mudahan-mudahan iaanya mendatangkan manfaat dan kebaikan khususnya terhadap zuriat yang akan dilahirkan.



AMALAN BAIK SEMASA HAMIL

Disediakan oleh
Pusat Pembangunan Keluarga Islam
Labuhan Amma Islam Wijayah

PERSEDIAAN IBUBAPA SEBELUM KELAHIRAN

Tanggungjawab ibubapa sebenarnya wujud sebelum terbentuknya janin. Oleh yang demikian suami/isteri hendaklah memberi perhatian dan tumpuan sepenuhnya untuk memastikan anak tersebut dilahirkan dalam keadaan yang baik dan sempurna. Suami / isteri perlulah bersama-sama bertanggungjawab untuk menjaga kandungan dari segi kesihatan fizikal, pemakanan dan amalan-amalan rohaniyah .

PENJAGAAN MAKANAN

Suami/isteri wajib memastikan segala makanan yang disediakan adalah makanan yang bersih,berzat dan halal. Faktor Pemakanan memberi kesan terhadap proses pembentukan akal, hati dan tubuh badan seseorang. Di samping itu ia juga mempunyai kaitan dengan soal taufik dan hidayah dari Allah terutamaanya di peringkat bayt masih dalam kandungan ibunya.

Peranan makanan halal bukan sahaja penting untuk bakal ibu dan bapa tetapi ia juga mustahak kepada setiap individu muslim. Makanan yang halal akan dibertutai oleh Allah S.W.T. dan akan beroleh keredhaannya. Seseorang ibu wajib menajuhi bahan yang haram dan syubhah, seperti makanan yang dibeli hasil daripada perbuatan mencuri, menjual dadah, berjudi, mengadai maruah dan sebagainya. Islam memberi perhatian penting dalam hal ini sebagaimana firman Allah S.W.T. Bermaksud "*Wahai orang-orang yang beriman makanlah dari benda-benda yang baik (halal) yang telah kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya*" (Surah Al-Baqarah 172)

Oleh kerana golongan wanita memainkan peranan penting dalam penyediaan makanan, mereka perlulah mengambil berat berhubung halal dan haram serta mutu makanan untuk keluarga dan seterusnya menjaga ekonomi rumah tangga. Makanan yang baik dan halal akan melahirkan ahli keluarga

PENJAGAAN FIZIKAL

Ibu yang mengandung di kehendaki banyak bersabar dan tabah menghadapi perubahan fizikal dan mental. Ibu yang mengandung sentiasa mengalami pelbagai perubahan pada diri dan tabiatnya terutamanya kesihatan dan ketelihan disebabkan kandungan itu yang melemahkan tenaga fizikal. Oleh kerana itu, Islam tidak menggalakkan menyekutubuhi isteri yang sarat mengandung sehinggalah saat ia melahirkan anak. Disebalik kesabaran dan kesungguhan itu ada ganjaranya di dunia dan di akhirat. Dengan ketabahan dan kesabaran menghadapi keadaan itu Allah akan menjadikan anak yang dikandungnya seorang yang tabah, gigih dan sabar menghadapi sebarang ujian. Ibu-ibu yang mengandung hendaklah diberikan perhatian dan layanan yang baik dari segi fizikal, mental dan spiritual.

PENJAGAAN EMOSI

Apabila seorang wanita mengandung, suami hendaklah banyak membaca Al-Quran, bersedekah, bertastibh dan berzikir dengan harapan anak yang dikandung oleh isterinya menjadi anak yang baik. Suami juga hendaklah membelai kandungan dan bercakap-cakap dengan anak di dalam kandungan. Selain daripada itu suami perlu banyak bertimbangrasa bertolakansur dan sentiasa membantu isterinya dalam menunaikan keperluan. Ini kerana dalam keadaan yang sedemikian isteri akan mudah tersinggung dan kadangkala lebih cerewet daripada kebiasaannya. Hal ini perlu difahami oleh suami untuk kebalikan ibu dan anak dalam kandungan.

Suami juga hendaklah menghindari segala bentuk percakapan yang buruk seperti memaki hamun, sumpah seranah, mencarut, menengking dan mengeluarkan perkataan yang menyakitkan hati isterinya. Dengan demikian, zuriat yang bakal dilahirkan benar-benar terpelihara daripada mewarisi amalan buruk ibubapanya.

4. PENYUSUAN

Susu ibu adalah makanan semulajadi bayi yang dapat mengeluarkan kesihatan dan membekalkan tenaga kepada bayi. Ia juga merupakan makanan rohani dan akhirak yang membekalkan kepada seluruh keperibadian anak. Ia bukan sahaja memberikan makanan kepada anak, malah melahirkan alir pemikiran dan sikap ibu ke dalam diri bayi melalui seti titisan air susunya. Tempoh penyusuan bayi ialah selama tahun.

5. MEMBERI NAMA

Antara tugas dan tanggungjawab ibubapa setelah an dilahirkan ialah memberi nama anak-anak dengan nar yang baik.

Sabda Nabi s.a.w bermaksud:

Dari Abat r.a katanya, Rasulullah bersabda; tugas dan tanggungjawab bapa terhadap anaknya ialah memperibadikan nama anaknya dan juga adabnya.

NAMA-NAMA YANG DISUKAI OLEH ALLAH S.W.T.

Ketika hendak memberi nama anak-anak maka sebaik-baiknya nama itu hendaklah:

- a. Mengandung salah satu daripada nama-nama Allah dan mestilah didahului dengan perkataan "Abdul" Seperti : Abdullah, Abdurrahman, Abdul Jabbar dan lain lain lagi.
- b. Dipilih dari nama -nama Nabi .

Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud:

Dari pada Abdullah bin Jurud r.a katanya Rasulullah s.a.w bersabda "Namakanlah anak-anak kami dengan nama-nama Nabi dan jangan kami memamakan dengan nama-nama Malaikat"

- b. Kalimah azan dan iqamah mengundungi senunan dakwah kepada agama Islam dan penyembahan kepada Allah swt.

Syairan akan lari apabila mendengar azan dan iqamah , sedang ia sentiasa memantikan kelahiran anak untuk menamakan perasaan was-was dan menariknya ke jalan penyeleweengan.

3. MEMBELAH MULUT (TAHNIK)

Tahnik atau membelah mulut bayi yang baru dilahirkan dengan buah kurma (tamar) ataupun dari benda-benda yang manis merupakan sunah Rasulullah s.a.w.

Caranya ialah dengan mengunyah buah kurma, kemudian melerakkannya diujung jari lalu memasukkan pedahan-lahan hujung jari tersebut kedalam mulut anak yang baru dilahirkan. Selepas itu di gerak-gerakkan jari ke kanan dan ke kiri dengan kurma yang dikunyahkan tadi sehingga meresap kemanisan kedalam badannya. Ini beresuaian dengan hadith Nabi saw. yang bermaksud;

Dari pada Abu Musa r.a katanya; Aku baru mendapat seorang anak lelaki lalu aku membarunya kepada Nabi s.a.w. maka Baginda memamakannya Ibrahim dan membelah mulutnya dengan buah kurma serta Baginda mendakukannya supaya diberkati oleh Allah. Kemudian Baginda menyuruhkannya semula kepada dan ia adalah anak indang kepada Abu Musa. (Risayat Al-Bukhari)

HIKMAH MEMBELAH MULUT

Hikmah membelah mulut bayi dengan buah kurma tersebut ialah supaya urat-urat mulut bayi menjadi kuat dengan gerakan lidah untuk mengesap susu ibunya.

Amalan membelah mulut ini lebih baik dilakukan

TANGGUNGJAWAB IBUBAPA SELEPAS KELAHIRAN

Antara keistimewaan Syariat Islam ialah ia telah menjelaskan segala hukum yang bersangkutan dengan anak yang baru lahir. Diantara perkara-perkara yang patut dilaksanakan oleh para ibubapa selepas kelahiran ialah;

1. MELAHIRKAN RASA GEMBIRA DAN UCAPAN TAHNIAH

Seseorang muslim digalakkan bergembira serta menyampaikan berita baik kepada saudara muslim yang lain jika saudaranya itu mendapat cahaya mata. Ini dapat mengeratkan lagi tali persaudaraan dan boleh menyebarkan perasaan muhibbah serta kemesraan dikalangan keluarga Islam .

2. AZAN DAN IQAMAH

Islam mensyaratkan supaya melakukan azan ditelinga kanan dan iqamah di telinga kiri bayi sebaik sahaja dilahirkan. *Ali Ruffi* berkata : *Saya telah melihat Rasulullah s.a.w. melafazkan azan ditelinga Hasan bin Ali sebaik sahaja Fatimah dilahirkan.*

HIKMAH AZAN DAN IQAMAH

- a. Supaya perkataan yang pertama didengar oleh bayi ialah kalimah syahadah yang mengandungi kebesaran dan keagungan

- c. Dipilih daripada nama orang-orang yang soleh seperti Abu Bakar, Umar dan sebagainya.
- d. Dipilih daripada nama-nama pejuang Islam.
- e. Mengandung makna yang baik dan menyenangkan hati.

6. BERCUKUR

Bercukur atau menggunting rambut bayi adalah sunnah Rasulullah s.a.w yang dilaksanakan ketika bayi berusia 7 hari.

Sabda Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud:
 "Daripada A'ê bin Abu Talib katanya, Rasulullah bersabda "Timbanglah rambut Hussein dan seketuk kembal seberat timbangan rambut tersebut dengan wang perak dan bertukarlah dagang pada Aqiqah kepada bidan"

7. AQIQAH

Aqiqah adalah salah satu sunnah Rasulullah s.a.w. Sabda Baginda yang bermaksud ;
 "Daripada Samurah r.a katanya "Rasulillah s.a.w bersabda "Setiap anak terdapat dengan aqiqahnya yang ditembelih, utuknya pada hari ke tujuh, dicukur kepalanya dan diberi namanya"
 (Riwayat Ahmad)

MASA AQIQAH

Aqiqah adalah sunat muakkad, manakala masa yang afdal (lebih baik) untuk melakukan ialah pada hari ke tujuh selepas bayi dilahirkan.

HIKMAH AQIQAH

2. Mendekatkan anak kepada Allah dan Sunah

- c. Melahirkan kesyukuran dan kegembiraan menyambut kelahiran anak mengikut ajaran Islam.
- d. Mengukuhkan perpaduan dan sâtturrahim dengan masyarakat setempat
- e. Ia merupakan tebusan/jaminan yang diharapkan akan dipelihara oleh Allah dari musibah sebagaimana Allah menyelamatkan Nabi Allah Ismail A.S dari disembelih.

8. BERKHATAN

Khitan adalah sunnah Rasulullah s.a.w dan hukumnya ialah wajib bagi lelaki dan perempuan. (mengikut Imam As Syafie)

HIKMAH BERKHATAN

- a. Khitan merupakan syariat Islam dan sebagai asas kesucian fitrah manusia.
 - b. Membezakan antara orang muslim dan orang kafir.
 - c. Sebagai tanda ketaatan kepada syariat Allah SWT.
 - d. Memelihara kebersihan diri, mengelakkan bentuk badan dan sebagai salah satu cara untuk mengendalikan nafsu syahwat.
 - e. Menunjukkan diri dan penyakit-penyakit seperti kanser dan sebagainya.
 - f. Mengelakkan kanak-kanak daripada kencing malam.
- * *Ini adalah sebahagian panduan kepada ibubapa semoga ianya boleh dimanfaatkan bersama.*



TANGGUNGJAWAB IBUBAPA SELEPAS KELAHIRAN

Disediakan oleh

Pusat Pembangunan Keluarga Islam